

Belajar di Jepun, Korea disokong

Oleh
AHMAD PUAD ONAH

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR. Sabtu — Kedutaan Jepun dan Korea Selatan, mengemukakan pengumuman Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menghantar lebih ramai pelajar Malaysia melanjutkan pengajiannya ke negara tersebut.

Mereka setuju pendapat Perdana Menteri, Jepun dan Korea Selatan mempunyai nilai hidup dan sosio budaya yang seccocok dengan Malaysia.

Bagaimanapun, jurucakap kedutaan-kedutaan itu, berkata beberapa masalah dan rintangan perlu diselesaikan dulu sebelum rancangan tersebut dapat dilaksanakan.

Antaranya, masalah bahasa perantaraan — bahasa Korea dan Jepun — yang digunakan di semua universiti dan pusat pengajian negara berkenaan.

Soal pengiktirafan ijazah dan diploma universiti dan kolej negara tersebut oleh Kerajaan Malaysia juga perlu diatasi, kata mereka.

Ketika mengumumkan rancangan itu minggu lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir, berkata pengaliran pelajar perlu diseimbangkan antara negara-negara timur dan barat.

Menurut laporan akh-

bar, Perdana Menteri memberi tempoh satu bulan kepada Kementerian Pelajaran menyiapkan laporan lengkap rancangan menghantar pelajar Malaysia ke kedua negara berkenaan.

Beliau mahu kajian segera yang menyeluruh bagi menentukan kesesuaian kursus pengajian, biasiswa, belanja hidup, suasana politik dan keadaan sosial di negara itu.

Jurucakap Kedutaan Jepun memberitahu, pihaknya belum menerima permohonan rasmi mengenai butr-butir tersebut dari Kementerian Pelajaran.

Katanya, masalah bahasa perantaraan perlu diatasi sebelum rancangan itu dapat berkesan dilaksanakan. Kini, pelajar luar negeri perlu mempelajari bahasa negara itu kira-kira setahun.

Menurutnya lagi, Jepun mempunyai tiga peringkat universiti: nasional, awam dan swasta.

Universiti-universiti tersebut menyediakan berbagai kursus pengajian termasuk sains asas yang meliputi bidang kejuruteraan, perubatan dan senibina.

Kadar yuran pela-

jaran di ketiga peringkat universiti itu juga, katanya, berbeza kira-kira M\$3,900 setahun di universiti nasional, M\$4,200 setahun di universiti awam dan antara M\$6,000 dan M\$7,000 di universiti swasta.

Ini tidak termasuk belanja sara hidup seperti makan dan tempat tinggal.

Menurutnya lagi, kini terdapat kira-kira 150 pelajar Malaysia di universiti-universiti Jepun dengan biasiswa Kerajaan Jepun dan Malaysia serta lain-lain pertubuhan.

Malaysia mengiktiraf lima jenis kursus ijazah Jepun — kejuruteraan, sains perikanan, pengurusan perikanan, senibina kapal dan kejuruteraan perkapalan.

Jurucakap Kedutaan Korea Selatan pula berkata, perbincangan lanjut perlu diadakan bagi mengatasi masalah sebelum rancangan itu dilaksanakan.

Soal jurusan pengajian, bahasa perantaraan dan peraturan menghantar pelajar perlu diselesaikan, tambahnya.

Beliau berpendapat guru-guru bahasa Korea patut dihantar ke sini mengajar penuntut-penuntut yang bakal ke sana.

Korea mempunyai 200 buah universiti termasuk milik kerajaan dan swasta serta banyak lagi sekolah-sekolah vokasional dan teknik, katanya.

Ia menyediakan berbagai jenis kursus dan pengajian termasuk kejuruteraan, perubatan, senibina dan berbagai kemahiran lain.

Kadar yuran di universiti-universiti tersebut antara M\$1,100 dan M\$1,300 sepeggal bagi 6 bulan, manakala yuran di universiti swasta, lebih tinggi.

Pelajar Malaysia yang menuntut di sana terlalu kecil, tambahnya.